

Praktis 9 Cerpen *Hadiah*

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah ini.

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

“Aku akan menyuruh Abang Rahim membuat model masjid daripada kayu-kayu yang bermutu tinggi,” kata Rashid dengan megahnya. Pada matanya terbayang sebuah model masjid yang cantik dan berkilat.

“Kau nak berikan benda itu kepada siapa?” tanya Zaiton.

“Kepada Cikgu Firdauslah. Bukankah dia akan berkahwin pada bulan depan?” kata Rashid dengan yakin.

“Masjid bukannya *lambang pernikahan* yang diberkati dan direstui,” jawab Rashid pula.

“Engkau, Hashim?” tanya Hamidah kepada Hashim.

“Aku nak beli tuala muka yang istimewa buat Ustazah Salma. Aku sayang akan Ustazah Salma. Dia tak pernah marah kepada aku,” jawab Hashim dengan senyum lebar.

“Kau pula Zizah, bagaimana? Asyik diam sahaja dari tadi, sepatah kata pun tak cakap,” kata Hamidah kepada Azizah.

Azizah terdiam, fikirannya buntu. Dia terfikir bahawa dia tiada wang untuk membeli hadiah buat guru kesayangannya, Cikgu Zaleha. Dia orang miskin. Bapanya hanyalah seorang penarik beca, manakala emaknya yang cacat sebelah kaki itu, mengambil upah menganyam tikar mengkuang. Dia tidak ada duit atau modal untuk menyediakan hadiah pada Hari Guru nanti. Hatinya menjadi risau dan sedih.

Dipetik daripada cerpen “Hadiah”, antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

- 1 Berdasarkan petikan, rangkai kata *lambang pernikahan* membawa maksud
- A tanda perhubungan.
 - B isyarat persahabatan.
 - C hubungan persaudaraan.
 - D simbol perkahwinan.

(Mentafik) Aros R

- 2 Dia tak pernah marah kepada aku.

Bandingan semacam yang sesuai dengan situasi di atas ialah.

- A degil macam keldai.
- B baik macam malaikat.
- C jinak macam merpati.
- D garang macam harimau.

(Mentafik) Aros R

- 3 Apakah persoalan yang terdapat dalam petikan cerpen di atas.
- A Bijak dalam pelajaran
 - B Pandai menyimpan wang
 - C Teliti dalam membuat keputusan
 - D Penghargaan murid kepada gurunya

(Memahami; Menganalisis) Aros S

- 4 Apakah reaksi Azizah apabila mendengar cerita kawan-kawannya tentang hadiah yang akan diberikan kepada guru-guru kesayangan mereka?

- A Azizah berdiam sahaja.
- B Azizah tersenyum lebar.
- C Azizah menitikkan air mata.
- D Azizah cepat-cepat meninggalkan mereka.

(Memahami; Menganalisis) Aros S

- 5 Antara berikut yang manakah **tidak benar** tentang petikan?

- A Rashid hendak meminta abangnya membuat model masjid daripada kayu yang bermutu tinggi.
- B Zaiton terbayang akan sebuah model masjid yang cantik dan berkilat.
- C Hashim hendak menghadihkan tuala muka yang istimewa kepada Ustazah Salma.
- D Azizah tiada wang untuk membeli hadiah buat guru kesayangannya, Cikgu Zaleha.

(Menganalisis; Menyusun) Aros T